



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH**

TINGKATAN EMPAT DAN LIMA

KESUSASTERAAN MELAYU

2003



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran secara kontekstual. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran ini menjelaskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut tahap kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid. Hasil pembelajaran diperingkatkan kepada tiga aras, iaitu Aras 1 (aras asas), Aras 2 (aras sederhana), dan Aras 3 (aras cemerlang).

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu digubal berdasarkan aspek sastera melalui kajian teks yang dikaji, hasil pembelajaran, huraian hasil pembelajaran, pengisian kurikulum, dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan dalam huraian hasil pembelajaran memberikan cabaran yang sesuai dengan murid pada tahap tertinggi dalam pendidikan sekolah menengah. Di samping itu, aspek strategi pengajaran sastera yang mengambil kira strategi dan kepelbagaian teknik yang sesuai dengan kebolehan murid serta penyerapan ilmu turut diberikan penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian ini seharusnya dapat membantu guru merencanakan suatu pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif, berkesan dan bermakna.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENDAHULUAN

Kesusasteraan Melayu merupakan mata pelajaran yang diajar pada peringkat Tingkatan 4 dan 5 sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Mata pelajaran ini telah diperkenalkan sejak tahun 1957. Sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu disemak semula pada tahun 1984, 1991, dan 2002. Penyemakan sukatan pelajaran ini dilakukan bagi memenuhi perubahan dalam dunia pendidikan selaras dengan era globalisasi.

Kurikulum Kesusasteraan Melayu bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Selain itu, kurikulum Kesusasteraan Melayu yang disemak semula selaras dengan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu.

Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu buat pertama kalinya digubal apabila Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu disemak semula pada tahun 2002. Huraian Sukatan Pelajaran ini mengandungi 3 lajur, iaitu lajur hasil pembelajaran, lajur huraian hasil pembelajaran dan lajur cadangan aktiviti/teknik/sumber/nota. Lajur hasil pembelajaran menggariskan pernyataan hasil pembelajaran dan kemahiran yang perlu dicapai oleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini. Lajur huraian hasil pembelajaran memperincikan penguasaan aspek sastera kepada tiga aras pembelajaran, iaitu Aras 1, Aras 2, dan Aras 3 yang perlu dikuasai oleh murid. Setelah murid menguasai Aras 1, murid akan mempelajari penguasaan aspek sastera bagi Aras 2 dan Aras 3 yang lebih mencabar. Lajur cadangan aktiviti/sumber/nota menyediakan contoh aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai panduan kepada guru. Aktiviti yang disenaraikan hanyalah cadangan bagi aras-aras tertentu yang terdapat dalam huraian sukatan pelajaran ini. Guru perlu lebih kreatif memilih dan menyesuaikan cadangan aktiviti dengan profil murid dan keadaan

setempat. Guru juga disarankan menggunakan pelbagai teknik dan aktiviti bersesuaian dengan tahap kemampuan murid.

Huraian Sukatan Pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran, Pengisian Kurikulum, dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran ini menjadi panduan dan sumber rujukan kepada guru Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

MATLAMAT

Matlamat kurikulum Kesusasteraan Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai, dan membanggakan bahasa dan sastera Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya, ke arah pemantapan cita rasa sastera di kalangan masyarakat.

OBJEKTIF

Pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu membolehkan murid:

- i. memahami isi dan menganalisis aspek sastera.
- ii. mengapresiasi karya sastera melalui aktiviti sastera.
- iii. menghayati dan menghargai nilai estetik bahasa.
- iv. menghargai penulis dan karya yang telah dihasilkannya.

- v. memberikan pandangan, menilai karya sastra secara kritis dan menyuburkan nilai kemanusiaan di samping memupuk semangat cinta akan negara.
- vi. menghasilkan karya sastra yang pelbagai, sesuai dengan kebolehan murid.
- vii. memupuk budaya membaca untuk memperkembang dan mengekalkan minat murid terhadap sastra Melayu.

ORGANISASI KURIKULUM

Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah ialah kajian aspek sastra melalui teks yang ditentukan, hasil pembelajaran, huraian hasil pembelajaran, cadangan aktiviti/teknik/sumber/nota, pengisian kurikulum, dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Semua perkara itu dijelaskan seperti di bawah.

a. Aspek Sastra

Apresiasi terhadap karya sastra dilaksanakan melalui kajian teks. Kajian ini berdasarkan aspek sastra, iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, bentuk, nada, sudut pandangan, nilai kemanusiaan, dan pengajaran. Kajian teks ini meliputi bidang prosa dan puisi. Prosa terbahagi pada prosa moden dan prosa tradisional. Prosa moden terdiri daripada genre novel, cerpen, dan drama. Prosa tradisional pula terdiri daripada genre sastra sejarah, sastra epik, sastra hikayat, dan sastra rakyat. Puisi pula meliputi puisi tradisional iaitu pantun, gurindam, dan seloka serta puisi moden iaitu sajak.

b. Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum Kesusasteraan Melayu. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk jelas tentang apa yang boleh dicapai oleh murid. Oleh itu, hasil pembelajaran memerlukan pendekatan yang berfokus kepada gaya pembelajaran murid. Justeru, hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Hasil pembelajaran juga membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid. Hasil pembelajaran meliputi Pengenalan Kesusasteraan Melayu dan aspek-aspek sastra yang terdiri daripada tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, bentuk, nada, sudut pandangan, nilai kemanusiaan, dan pengajaran. Terdapat dua hasil pembelajaran iaitu Hasil Pembelajaran Utama (HPU) dan Hasil Pembelajaran Khusus (HPK). Hasil Pembelajaran Utama (HPU) merupakan pernyataan aspek sastra yang terkandung dalam kurikulum Kesusasteraan Melayu dan dapat dicapai melalui penguasaan Hasil Pembelajaran Khusus (HPK). Hasil Pembelajaran Khusus merupakan perincian aspek sastra berdasarkan Hasil Pembelajaran Utama. Hasil Pembelajaran Khusus disusun daripada peringkat yang mudah ke peringkat yang sukar.

Hasil Pembelajaran

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur 2 menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Penyataan Aras 1 hingga 3 dalam HHP ialah perincian bagi Hasil Pembelajaran Khusus. Pemingkatan berdasarkan aras ini sejajar dengan perkeliling mesteri dan membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berprestasi rendah. Aras 1 ialah aras paling asas yang harus dicapai oleh semua murid. Kandungan kurikulum bagi aras ini adalah yang paling minimum yang harus dikuasai oleh semua murid. Aras 2 ialah aras bagi murid yang berprestasi sederhana manakala Aras 3 ialah aras bagi murid yang berprestasi cemerlang.

Apabila seseorang murid berupaya mencapai Aras 1, maka mereka boleh meneruskan pembelajaran ke Aras 2, dan seterusnya ke Aras 3. Sekiranya seseorang murid masih tidak berupaya mencapai Aras 1, maka guru hendaklah melatih dan membimbing murid tersebut sehingga mereka menguasai aras tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, penilaian terhadap pencapaian murid bagi setiap aras perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada murid perlu dibimbing lagi atau boleh beralih ke pelajaran seterusnya.

Cadangan Aktiviti/Teknik/Sumber/Nota

Lajur cadangan aktiviti/teknik/sumber/nota yang terdapat dalam lajur tiga menjadi panduan untuk guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran membuat pilihan menggunakan kajian masa depan dan jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid. Semua

cadangan ini hanyalah sebagai bantuan untuk guru. Guru boleh mengubah suai atau memilih teknik atau aktiviti yang lain sesuai dengan kebolehan murid.

Contoh Pemaparan Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus

B. PROSA

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Teknik/Sumber/Nota
<p>1.0 Menghuraikan definisi, jenis, ciri, dan peranan prosa.</p> <p>1.1 Menjelaskan definisi prosa.</p> <p>1.2 Menerangkan jenis prosa.</p> <p>1.3 Membandingkan ciri prosa.</p> <p>1.4 Menghuraikan peranan prosa dalam masyarakat.</p> <p>Hasil Pembelajaran Khusus</p> <p>Hasil Pembelajaran Utama</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi prosa.</p> <p>ii. Menyatakan jenis prosa.</p> <p>iii. Menyatakan ciri prosa.</p> <p>iv. Menyatakan peranan prosa dalam masyarakat.</p> <p>Pernyataan aras pembelajaran aspek sastra yang dicapai melalui kemahiran berbahasa</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai. • Menjelaskan maksud novel, cerpen, prosa tradisional dengan menggunakan OHP/ LCD. <p>Contoh: peta minda `Ciri Novel`</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran • Main peranan sebagai tokoh sastra oleh murid untuk mendapatkan maklumat. • Contoh: Wawancara bertajuk `Definisi, Jenis, dan Ciri Prosa Tradisional`

Rumusan Hasil Pembelajaran

Setiap bahagian A, B, C, dan D mempunyai sejumlah Hasil Pembelajaran Utama. Setiap Hasil Pembelajaran Utama terdapat sejumlah Hasil Pembelajaran Khusus yang perlu dikuasai oleh murid. Penomboran hasil pembelajaran mengikut bahagian adalah seperti yang berikut:

Bahagian	Hasil Pembelajaran Utama	Hasil Pembelajaran Khusus
A. Pengenalan Kesusasteraan Melayu	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 1.6
B. Prosa Tradisional dan Moden (Novel, Cerpen)	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4
	2.0	2.1, 2.2
	3.0	3.1, 3.2, 3.3, 3.4
	4.0	4.1, 4.2, 4.3, 4.4, 4.5
	5.0	5.1, 5.2, 5.3, 5.4, 5.5
	6.0	6.1, 6.2, 6.3
	7.0	7.1, 7.2, 7.3, 7.4, 7.5
	8.0	8.1, 8.2, 8.3
	9.0	9.1, 9.2, 9.3, 9.4
	10.0	10.1, 10.2, 10.3, 10.4, 10.5, 10.6

Bahagian	Hasil Pembelajaran Utama	Hasil Pembelajaran Khusus
C. Drama	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5
	2.0	2.1, 2.2
	3.0	3.1, 3.2, 3.3, 3.4
	4.0	4.1, 4.2, 4.3, 4.4
	5.0	5.1, 5.2, 5.3, 5.4, 5.5, 5.6, 5.7
	6.0	6.1, 6.2, 6.3
	7.0	7.1, 7.2, 7.3, 7.4, 7.5
	8.0	8.1, 8.2, 8.3, 8.4
	9.0	9.1, 9.2, 9.3, 9.4, 9.5, 9.6, 9.7
D. Puisi Tradisional dan Moden (Sajak)	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4
	2.0	2.1, 2.2
	3.0	3.1, 3.2
	4.0	4.1, 4.2, 4.3
	5.0	5.1, 5.2
	6.0	6.1, 6.2, 6.3, 6.4
	7.0	7.1, 7.2, 7.3, 7.4
	8.0	8.1, 8.2, 8.3
	9.0	9.1, 9.2, 9.3, 9.4, 9.5, 9.6

Pengisian Kurikulum

Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai kemanusiaan, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Penerangan ringkas bagi setiap elemen diberikan di bawah.

1.0 Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu dalam bidang sains, dan geografi yang dapat digunakan untuk memperkembang ilmu sastera dan kemahiran berbahasa. Ilmu juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.0 Nilai Kemanusiaan

Nilai kemanusiaan yang dikenali juga sebagai nilai murni atau nilai moral bermaksud sesuatu perbuatan atau tingkah laku positif yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Penyerapan nilai kemanusiaan dalam pendidikan Kesusasteraan Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai kemanusiaan bertujuan membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni masyarakat Malaysia harus dipupuk secara langsung dan tidak langsung, serta dilanjutkan di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

3.0 Kewarganegaraan

Penyerapan patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Kesusasteraan Melayu mengutamakan pemupukan semangat dan taat akan tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

4.0 Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu menjelaskan hubungan antara masyarakat dengan budaya yang terdapat dalam karya sastera dan kehidupan seharian. Peraturan sosialbudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

5.0 Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah ialah kemahiran yang diajarkan dalam bilik darjah serta dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar murid dan dalam senario dunia yang global. Sehubungan dengan itu, kurikulum Kesusasteraan Melayu menyepadukan kemahiran bernilai tambah agar memenuhi keperluan semasa. Kemahiran Bernilai Tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecederaan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Penjelasan tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan di bawah.

5.1. Kemahiran berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam pelbagai aktiviti. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

5.2 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan mengakses maklumat yang terdapat dalam internet.

5.3 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

5.4 Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid dapat manfaat yang maksimum.

5.5 Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

5.6 Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berupaya membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, lebih yakin, dan lebih seronok untuk belajar sepanjang hayat.

5.7 Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran kontekstual disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu bergantung pada strategi yang digunakan oleh guru. Strategi pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu adalah seperti yang berikut :

1. Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Kesusasteraan Melayu mesti berpusatkan murid bagi membolehkan mereka menguasai aspek sastera melalui pembacaan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti. Pengajaran ini menggalakkan interaksi dua hala, mendorong penglibatan murid secara aktif dan menyeluruh serta mementingkan pembelajaran akses sendiri. Guru berperanan sebagai pembimbing untuk melahirkan murid yang bermotivasi tinggi dan berdaya asing.

2. Kepelbagaian Pendekatan, Kaedah, dan Teknik

Guru boleh menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung pada kebijaksanaan guru menyesuaikan pendekatan, kaedah dan teknik dengan kebolehan murid. Antara pendekatan yang boleh digunakan ialah pendekatan struktural, pendekatan berfokus, pendekatan mengalami menghayati, pendekatan global dan pendekatan analitik. Kaedah yang dicadangkan ialah kaedah kelas, kaedah berkumpulan, kaedah individu, kaedah perbincangan dan kaedah penerangan. Teknik yang disarankan ialah teknik main peranan, teknik simulasi, teknik teater pembaca, teknik bercerita, teknik lakonan, teknik pentomin, teknik kerusi panas, teknik mestamu (melagukan puisi tanpa muzik) dan teknik dekon (deklamasi lakon). Teknik-teknik ini boleh merangsang dan menggalakkan murid meminati sastera Melayu, memahami dan menghayati hasil sastera Melayu, dan dapat mengaplikasikan penguasaan aspek sastera. Selain itu, penggunaan bahan alat bantu dan teknologi terkini dapat memantapkan pelbagai teknik yang dicadangkan.

3. Kepelbagaian Sumber

Kepelbagaian sumber dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu boleh membantu murid menguasai aspek sastera. Antara sumber tersebut ialah pusat sumber, internet, kamus, akhbar, majalah, filem, glosari, organisasi, dan sumber hidup.

4. Pembacaan Luas

Pembacaan luas ialah aktiviti membaca hasil karya sastera yang pelbagai selain teks wajib. Pembacaan luas juga melibatkan pembacaan bahan bukan sastera yang meliputi pelbagai disiplin ilmu. Pembacaan luas dapat mempertingkatkan penguasaan ilmu sastera, membentuk sahsiah murid di samping memupuk budaya membaca dan dapat dimanfaatkan dalam penulisan karya.

A. PENGENALAN KESUSASTERAAN MELAYU

Pengenalan Kesusasteraan Melayu penting untuk menjadi asas pengetahuan murid dan memberi gambaran tentang keseluruhan kesusasteraan Melayu yang mencakup definisi kesusasteraan, ciri, bentuk, sejarah perkembangan, dan peranan kesusasteraan Melayu.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Menghuraikan definisi kesusasteraan, ciri, bentuk, sejarah perkembangan, dan peranan kesusasteraan Melayu</p> <p>1.1 Menerangkan definisi kesusasteraan.</p> <p>1.2 Menerangkan definisi kesusasteraan Melayu.</p> <p>1.3 Menyenaraikan ciri kesusasteraan.</p> <p>1.4 Menerangkan bentuk kesusasteraan.</p> <p>1.5 Menggalurkan sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu secara ringkas.</p> <p>1.6 Menjelaskan peranan kesusasteraan Melayu.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi kesusasteraan.</p> <p>ii. Menyatakan definisi kesusasteraan Melayu.</p> <p>iii. Menyatakan ciri kesusasteraan Melayu.</p> <p>iv. Menyatakan bentuk kesusasteraan Melayu.</p> <p>v. Menyenaraikan nama pengarang dan karya mengikut zamannya.</p> <p>vi. Menyenaraikan peranan kesusasteraan Melayu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai: <ul style="list-style-type: none"> – glosari – kamus – teaurus – internet – sumber hidup – filem Melayu lama – persatuan penulis – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) • Mengakses maklumat dengan melayari laman web. • Mewawancara tokoh sastera. • Berdiskusi.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota																																								
	<p>Aras 2</p> <p>i. Menerangkan ciri kesusasteraan Melayu.</p> <p>ii. Membandingkan bentuk kesusasteraan Melayu.</p> <p>iii. Mengenal pasti pengarang dan karya mengikut zamannya.</p> <p>iv. Menerangkan peranan kesusasteraan Melayu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari maklumat di pusat sumber. • Melengkapkan maklumat dengan menggunakan lembaran pengurusan grafik (LPG). <p style="text-align: center;">LPG MEMBANDING DAN MEMBEZA BENTUK SASTERA</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;"><u>Sastera Lisan</u> dan <u>Sastera Bertulis</u></td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;"><u>Persamaan</u></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><u>Perbezaan</u> <small>(dari aspek)</small></td> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">Sastera Lisan</td> <td style="text-align: center;">Sastera Bertulis</td> </tr> <tr> <td> </td> <td style="text-align: center;">→</td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> <td style="text-align: center;">→</td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> <td style="text-align: center;">→</td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">Corak Persamaan Dan Perbezaan Yang Penting</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;"> </td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">Kesimpulan</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;"> </td> </tr> </table>	<u>Sastera Lisan</u> dan <u>Sastera Bertulis</u>				<u>Persamaan</u>				<u>Perbezaan</u> <small>(dari aspek)</small>	→	Sastera Lisan	Sastera Bertulis		→				→				→			Corak Persamaan Dan Perbezaan Yang Penting								Kesimpulan							
<u>Sastera Lisan</u> dan <u>Sastera Bertulis</u>																																										
<u>Persamaan</u>																																										
<u>Perbezaan</u> <small>(dari aspek)</small>	→	Sastera Lisan	Sastera Bertulis																																							
	→																																									
	→																																									
	→																																									
Corak Persamaan Dan Perbezaan Yang Penting																																										
Kesimpulan																																										

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota																
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menjelaskan perkembangan kesusasteraan Melayu mengikut zaman secara ringkas dari segi pengarang, karya, dan ciri.</p> <p>ii. Menghuraikan peranan kesusasteraan Melayu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Memadankan gambar tokoh dengan karya, zaman, dan genre dengan menggunakan LPG Jadual Tokoh. <table border="1" data-bbox="1346 547 2022 810"> <thead> <tr> <th>Tokoh</th> <th>Karya</th> <th>Zaman</th> <th>Genre</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>A. Samad Said</td> <td>Salina</td> <td>1960-an</td> <td>Prosa moden (novel)</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Main peranan untuk menggambarkan peranan sastera Melayu seperti dalam majlis adat peminangan dan persembahan Tok Selampit (tukang cerita). Law atan ke muzium sastera dan galeri tokoh sastera. 	Tokoh	Karya	Zaman	Genre	A. Samad Said	Salina	1960-an	Prosa moden (novel)								
Tokoh	Karya	Zaman	Genre															
A. Samad Said	Salina	1960-an	Prosa moden (novel)															

B. PROSA


Prosa terdiri daripada prosa tradisional dan prosa moden. Prosa tradisional merangkumi genre sastera sejarah, sastera epik, sastera hikayat, dan sastera rakyat. Prosa moden pula terdiri daripada genre novel, cerpen, dan drama. Hasil pembelajaran bagi prosa ini perlu dicapai oleh murid dengan menguasai aspek sastera, iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai kemanusiaan, dan pengajaran. Murid juga menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Menghuraikan definisi, jenis, ciri, dan peranan prosa</p> <p>1.1 Menjelaskan definisi prosa.</p> <p>1.2 Menerangkan jenis prosa.</p> <p>1.3 Membandingkan ciri prosa.</p> <p>1.4 Menghuraikan peranan prosa dalam masyarakat.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi prosa.</p> <p>ii. Menyatakan jenis prosa.</p> <p>iii. Menyatakan ciri prosa.</p> <p>iv. Menyatakan peranan prosa dalam masyarakat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk pelbagai sumber. • Menjelaskan definisi novel, cerpen, prosa tradisional dengan menggunakan OHP/ LCD. <p>Contoh: peta minda 'Ciri Novel'</p> <ul style="list-style-type: none"> • Main peranan sebagai tokoh sastera oleh murid untuk mendapatkan maklumat. <p>Contoh: Wawancara bertajuk "Definisi, Jenis, dan Ciri Prosa Tradisional."</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota												
	<p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan membina rajah jenis dan ciri prosa. ii. Membandingkan dan membezakan ciri prosa. iii. Menerangkan peranan prosa dalam masyarakat. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menghuraikan peranan prosa dalam masyarakat. ii. Menganalisis peranan prosa dalam masyarakat kini. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjelaskan maklumat berdasarkan grafik. • Melaporkan dapatan daripada wawancara yang diperdengarkan. • Perbincangan dalam kelas dengan melengkapkan LPG Jadual Peranan Prosa. <table border="1" data-bbox="1397 866 2011 1299"> <thead> <tr> <th>Zaman</th> <th>Jenis</th> <th>Peranan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Zaman keagungan Melayu Melaka</td> <td>Sastera undang-undang <ul style="list-style-type: none"> • Hukum kanun Melaka </td> <td>Panduan pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Zaman	Jenis	Peranan	Zaman keagungan Melayu Melaka	Sastera undang-undang <ul style="list-style-type: none"> • Hukum kanun Melaka 	Panduan pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka						
Zaman	Jenis	Peranan												
Zaman keagungan Melayu Melaka	Sastera undang-undang <ul style="list-style-type: none"> • Hukum kanun Melaka 	Panduan pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka												

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>2.0 Menerangkan biodata pengarang prosa yang dikaji</p> <p>2.1 Menerangkan butir-butir peribadi pengarang.</p> <p>2.2 Menerangkan latar belakang kepengarangan, sumbangan, dan kejayaan pengarang.</p>	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menyatakan nama, tarikh lahir, dan tempat kelahiran pengarang. ii. Menyatakan pendidikan dan kerjaya pengarang. iii. Menyenaraikan hasil karya pengarang. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menyatakan nama pena pengarang. ii. Menyenaraikan bidang penulisan pengarang. iii. Menyatakan sumbangan lain pengarang. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mendengar rakaman audio tentang latar belakang pengarang. • Memadankan gambar pengarang dengan butir-butir peribadi pengarang. • Sesi bersama-sama dengan pengarang. • Projek membuat buku skrap yang bertajuk "Pengarang-pengarang Malaysia".


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menjelaskan anugerah yang diterima oleh pengarang.ii. Menyatakan perkembangan terkini pengarang.iii. Menjelaskan keistimewaan pengarang.	

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>3.0 Menghuraikan tema dan persoalan dalam karya prosa</p> <p>3.1 Menerangkan definisi tema dan persoalan.</p> <p>3.2 Menghuraikan tema karya.</p> <p>3.3 Menghuraikan persoalan dalam karya.</p> <p>3.4 Menghubungkan antara persoalan dengan tema karya.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi tema.</p> <p>ii. Menyatakan definisi persoalan.</p> <p>iii. Mengenal pasti tema dalam karya.</p> <p>iv. Menyenyaraikan persoalan dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai. • Bersoal jawab tentang maksud tema, jenis tema dan persoalan. • Membincangkan tema dan persoalan dalam kumpulan dengan menggunakan Rajah Piramid Persoalan. <div style="text-align: center;">  </div> <p>Senaraikan seberapa banyak persoalan yang anda dapat temukan dalam cerita. Pilih persoalan yang paling utama untuk dijadikan tema. Susun dalam rajah piramid di atas.</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyenaraikan jenis tema. ii. Menjelaskan tema dalam karya. iii. Menerangkan persoalan dalam karya. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan perkaitan antara persoalan dengan tema dalam karya. ii. Mengulas kesesuaian tema dan persoalan dengan cerita. 	<ul style="list-style-type: none"> • Diskusi karya tentang "Kesesuaian tema dengan cerita". <p>Contoh tajuk diskusi : Kesesuaian tema dengan cerita cerpen 'Paku Payung dan Limau Mandarin' karya Azizi Hj. Abdullah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sesi forum yang membincangkan tentang perkaitan persoalan, tema dan cerita.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>4.0 Menganalisis watak dan perwatakan dalam karya prosa</p> <p>4.1 Menerangkan definisi watak dan perwatakan.</p> <p>4.2 Menerangkan jenis watak dalam karya.</p> <p>4.3 Menganalisis perwatakan luaran dan dalaman watak dalam karya.</p> <p>4.4 Membandingkan watak-watak dalam karya.</p> <p>4.5 Menghuraikan peranan watak dalam karya.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi watak dan perwatakan.</p> <p>ii. Menyatakan jenis watak dalam karya.</p> <p>iii. Mengenal pasti watak dalam karya.</p> <p>iv. Menyenaraikan sifat luaran watak dalam karya .</p> <p>v. Menyenaraikan sifat dalaman watak dalam karya.</p> <p>vi. Menyatakan peranan watak dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai. • Berbincang tentang definisi dan jenis watak dan perwatakan. • Bersoal jawab tentang watak dan perwatakan. Nota : Teknik Kerusi Panas • Membuat peta minda tentang ciri luaran dan ciri dalaman watak. • Melakonkan watak secara berpasangan. • Menggambarkan watak utama dalam bentuk lukisan, pantun, sajak, atau syair. • Menulis dan lengkapkan biodata watak untuk ditampal di dalam kelas.



Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
		<ul style="list-style-type: none"> Melengkapkan LPG ciri watak.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menjelaskan jenis w atak dalam karya.ii. Mengelaskan w atak dalam karya.iii. Menjelaskan sifat luaran dan sifat dalaman w atak dalam karya.iv. Menerangkan peranan w atak dalam karya.	<ul style="list-style-type: none">• Berbincang tentang w atak A dan w atak B untuk melengkapkan LPG Rajah Venn. <p style="text-align: center;">Watak A Watak B</p>  <p style="text-align: center;">Beza sama Beza</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> Menjelaskan sikap dan perasaan w atak dalam karya. Menyatakan persamaan dan perbezaan w atak dalam karya. Menghuraikan peranan w atak dalam karya. Menerangkan cara pengarang menggambarkan w atak dan perw atakan dalam karya. 	<ul style="list-style-type: none"> Berbincang tentang w atak A dan w atak B untuk melengkapkan LPG Banding Beza <pre> graph TD A[BANDING BEZA] --> B[W atak A] A --> C[W atak B] B --> D[PERSAMAAN] C --> D D --> E[] E --> F[PERBEZAAN] F --> G1[] F --> G2[Fizikal] F --> G3[] G2 --> G4[] G2 --> G5[Status sosial] G2 --> G6[] G5 --> G7[] G5 --> G8[Sifat] G5 --> G9[] G8 --> G10[] G8 --> G11[Sikap] G8 --> G12[] G11 --> G13[] G11 --> G14[Kesimpulan] G11 --> G15[] </pre>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>5.0 Menghuraikan plot dalam karya prosa</p> <p>5.1 Menerangkan definisi plot.</p> <p>5.2 Menerangkan jenis plot dalam karya.</p> <p>5.3 Menjelaskan binaan plot dalam karya.</p> <p>5.4 Menghuraikan teknik plot dalam karya.</p> <p>5.5 Menghuraikan peranan teknik plot dalam karya.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi plot.</p> <p>ii. Menerangkan jenis plot dalam prosa.</p> <p>iii. Melakarkan binaan plot karya.</p> <p>iv. Menyeneraikan dan memberikan definisi teknik plot, iaitu dialog, monolog, monolog dalaman, suspens, kejutan, imbas kembali, dan imbas muka.</p> <p>v. Mengenal pasti jenis plot dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai. • Bersoal jawab tentang definisi, jenis, dan binaan plot. • Berbincang untuk melengkapkan rajah binaan plot dengan peristiwa penting dalam cerita. <div style="text-align: center;"> <p style="text-align: center;">K = Konflik</p> </div> <ul style="list-style-type: none"> • Melakonkan aksi untuk menggambarkan teknik plot: <ul style="list-style-type: none"> – Orang berbual (dialog) – Orang bercakap seorang diri (monolog) – Orang sedang berfikir (monolog dalaman)

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none">i. Melengkapkan rajah binaan plot berdasarkan peristiwa dalam karya.ii. Mengenal pasti teknik dalam plot iaitu dialog, monolog, dan monolog dalaman dalam karya.iii. Menyenaraikan peristiwa dalam karya yang mempunyai teknik dialog, monolog, dan monolog dalaman.	<ul style="list-style-type: none">• Mencipta dialog berdasarkan gambar: 

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
		<ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="1308 357 1872 384">• Menciapt monolog berdasarkan gambar.  <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="1308 903 1872 962">• Menciapt monolog dalaman berdasarkan gambar. 


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota																						
	<p>Aras 3</p> <p>i. Mengenal pasti teknik dalam plot iaitu imbas kembali, imbas muka, saspens, dan kejutan.</p> <p>ii. Menyenaikan peristiwa dalam karya yang mempunyai teknik imbas kembali, imbas muka, saspens, dan kejutan.</p> <p>iii. Menghuraikan peranan teknik plot dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Berbincang untuk menyenaikan contoh pelbagai teknik plot berdasarkan karya yang dikaji. <table border="1" data-bbox="1352 472 2000 703"> <thead> <tr> <th>Teknik Plot</th> <th>Contoh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Dialog</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Monolog</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Monolog dalaman</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Imbas muka</td> <td></td> </tr> <tr> <td>iibas kembali</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Berbincang tentang konflik, saspens, kejutan, dan klimaks dalam cerita. Memadankan peristiwa dengan saspens, kejutan, monolog, dan monolog dalaman. <div style="display: flex; align-items: center; margin-top: 20px;"> <table border="1" data-bbox="1352 968 1570 1214" style="margin-right: 20px;"> <thead> <tr> <th>Teknik plot</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>saspens</td> </tr> <tr> <td>kejutan</td> </tr> <tr> <td>monolog</td> </tr> <tr> <td>monolog dalaman</td> </tr> </tbody> </table>  <table border="1" data-bbox="1749 968 2011 1214"> <thead> <tr> <th>Peristiwa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> </tr> </tbody> </table> </div>	Teknik Plot	Contoh	Dialog		Monolog		Monolog dalaman		Imbas muka		iibas kembali		Teknik plot	saspens	kejutan	monolog	monolog dalaman	Peristiwa				
Teknik Plot	Contoh																							
Dialog																								
Monolog																								
Monolog dalaman																								
Imbas muka																								
iibas kembali																								
Teknik plot																								
saspens																								
kejutan																								
monolog																								
monolog dalaman																								
Peristiwa																								

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
		<ul style="list-style-type: none"> Berbincang untuk menyusun semula peristiwa dalam karya mengikut urutan cerita dengan menggunakan LPG Tangga Cerita. <div style="text-align: right; margin-right: 50px;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">Peristiwa 5</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">Peristiwa 4</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">Peristiwa 3</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">Peristiwa 2</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">Peristiwa 1</div> </div> Mengadakan main peranan memberi ceramah bertajuk `Peranan Teknik Plot dalam Karya`.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6.0 Menghuraikan latar dalam karya prosa</p> <p>6.1 Menerangkan definisi latar tempat, latar masa, dan latar masyarakat.</p> <p>6.2 Menerangkan latar tempat, latar masa dan latar masyarakat dalam karya.</p> <p>6.3 Menghubungkan latar tempat, latar masa dan latar masyarakat dengan peristiwa dalam karya.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi latar.</p> <p>ii. Menyatakan jenis latar.</p> <p>iii. Menyebutkan latar masa, latar tempat, dan latar masyarakat.</p> <p>iv. Menyatakan perkaitan latar dengan peristiwa dalam karya.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menjelaskan latar yang paling ketara dalam karya.</p> <p>ii. Menghuraikan latar dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai. • Berbincang tentang maksud latar dan jenis latar. • Menentukan latar berdasarkan gambar. • Melakar gambar berdasarkan latar dalam cerita. • Melengkapkan LPG Garisan Masa. <p>Contoh: Kaitan latar masa dengan peristiwa dalam cerpen 'Wisata' karya Arena Wati.</p> <div style="text-align: center;"> </div>


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota																
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menyatakan cara pengarang menggambarkan latar dalam karya.</p> <p>ii. Menjelaskan kesesuaian latar dengan cerita dalam karya.</p> <p>iii. Menghuraikan perkaitan latar dengan tema dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan bahan rangsangan untuk mengecam latar dalam cerita. <p>Contoh: Menyenaraikan kata dan rangkai kata yang menunjukkan latar berdasarkan bahan rangsangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Melengkapkan LPG Jadual Latar. <p>Contoh: Cerpen `Wisata` karya Arena Wati.</p> <table border="1" data-bbox="1301 751 1991 1031"> <thead> <tr> <th>Peristiwa</th> <th>Latar Masa</th> <th>Latar Tempat</th> <th>Latar Masyarakat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Lawatan kawan-kawan Penghulu Deraman ke dusunnya</td> <td>Pagi</td> <td>Dusun buah-buahan Penghulu Deraman</td> <td>Masyarakat kampung</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan gambar atau slaid atau audio visual untuk menghubungkan latar dengan tema. <p>Contoh: Laungan merdeka menggambarkan tema semangat kebangsaan.</p>	Peristiwa	Latar Masa	Latar Tempat	Latar Masyarakat	Lawatan kawan-kawan Penghulu Deraman ke dusunnya	Pagi	Dusun buah-buahan Penghulu Deraman	Masyarakat kampung								
Peristiwa	Latar Masa	Latar Tempat	Latar Masyarakat															
Lawatan kawan-kawan Penghulu Deraman ke dusunnya	Pagi	Dusun buah-buahan Penghulu Deraman	Masyarakat kampung															

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota								
<p>7.0 Menganalisis gaya bahasa dalam karya prosa</p> <p>7.1 Menerangkan definisi gaya bahasa.</p> <p>7.2 Menghuraikan aspek gaya bahasa.</p> <p>7.3 Menerangkan diksi, dialek, bahasa asing, bahasa arkaik, bahasa istana, dan peribahasa dalam karya.</p> <p>7.4 Mengenal pasti ayat pendek dan ayat panjang dalam karya.</p> <p>7.5 Menganalisis unsur bahasa dalam karya.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi gaya bahasa.</p> <p>ii. Memberikan maksud dan menyenaraikan aspek gaya bahasa.</p> <p>iii. Mengecamkan diksi, dialek, bahasa asing, bahasa arkaik, bahasa istana, dan peribahasa dalam karya.</p> <p>iv. Mengesan ayat pendek dan ayat panjang dalam karya.</p> <p>v. Menyenaraikan contoh kata ganda, sinkof, pengulangan, simile dan personifikasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai. • Bersoal jawab tentang maksud gaya bahasa. • Mengenal pasti dan menulis kata, dan ungkapan indah daripada karya yang dibaca. • Mencatatkan dialek, bahasa asing, bahasa arkaik, bahasa istana dan peribahasa dalam sebuah buku daftar kata. • Berbincang tentang unsur bahasa untuk melengkapkan LPG Jadual Unsur Bahasa . <table border="1" data-bbox="1361 917 2007 1098"> <thead> <tr> <th data-bbox="1361 917 1624 946">Unsur Bahasa</th> <th data-bbox="1624 917 2007 946">Contoh berdasarkan karya</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1361 946 1624 1018">Personifikasi</td> <td data-bbox="1624 946 2007 1018">Air sungai terus mengalir walaupun malas (Restu, hal.2)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1361 1018 1624 1058"></td> <td data-bbox="1624 1018 2007 1058"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1361 1058 1624 1098"></td> <td data-bbox="1624 1058 2007 1098"></td> </tr> </tbody> </table>	Unsur Bahasa	Contoh berdasarkan karya	Personifikasi	Air sungai terus mengalir walaupun malas (Restu, hal.2)				
Unsur Bahasa	Contoh berdasarkan karya									
Personifikasi	Air sungai terus mengalir walaupun malas (Restu, hal.2)									

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 2</p> <p>i. Menyenaraikan contoh personifikasi, hiperbola, inversi, paradoks dan perlambangan dalam karya.</p> <p>ii. Mencipta unsur bahasa berdasarkan situasi.</p> <p>iii. Membina ayat pendek dan ayat panjang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan ungkapan atau kalimat yang indah berdasarkan bahan rangsangan. <p>Contoh: Membentuk lingkaran kata, berdasarkan gambar sekuntum bunga.</p>  <p>Contoh kalimat: bunga gugur dalam kemarau kasih lemas dalam lautan madu bagai bunga kembang di pagi hari bunga mewangi di taman idaman</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="734 389 1211 451">i. Menganalisis keistimewaan karya berdasarkan aspek gaya bahasa.<li data-bbox="734 491 1256 585">ii. Membina ayat yang mengandungi aspek gaya bahasa secara lisan dan bertulis.	<ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="1348 389 2000 451">• Mengadakan sesi forum bertajuk 'Penggunaan Bahasa dalam Karya'.<li data-bbox="1348 491 1912 521">• Melaksanakan aktiviti permainan bahasa. <p data-bbox="1395 552 1957 614">Contoh: teka silang kata mencari perkataan tersembunyi</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota								
<p>8.0 Menghuraikan sudut pandangan dalam prosa</p> <p>8.1 Menerangkan definisi sudut pandangan.</p> <p>8.2 Menyenaraikan jenis sudut pandangan.</p> <p>8.3 Menghuraikan jenis sudut pandangan dalam karya.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan definisi sudut pandangan.</p> <p>ii. Mengemukakan jenis sudut pandangan.</p> <p>iii. Menyatakan definisi sudut pandangan orang pertama, sudut pandangan orang ketiga serba tahu dan sudut pandangan orang ketiga terbatas.</p> <p>iv. Mengenal pasti sudut pandangan dalam karya.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menjelaskan ciri sudut pandangan orang pertama, sudut pandangan orang ketiga serba tahu dan sudut pandangan orang ketiga terbatas.</p> <p>ii. Mengenal pasti jenis sudut pandangan dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber yang pelbagai. • Bersoal jawab tentang definisi dan jenis sudut pandangan. • Berbincang tentang ciri-ciri sudut pandangan untuk melengkapkan LPG Jadual Sudut Pandangan. <table border="1" data-bbox="1339 711 1957 1050"> <thead> <tr> <th data-bbox="1339 711 1624 767">Sudut Pandangan</th> <th data-bbox="1626 711 1957 767">Ciri-Ciri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1339 769 1624 860">Sudut Pandangan Orang Pertama</td> <td data-bbox="1626 769 1957 860"> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kata ganti nama orang pertama </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 861 1624 952">Sudut Pandangan Orang Ketiga Serba Tahu</td> <td data-bbox="1626 861 1957 952"> <ul style="list-style-type: none"> • • </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 954 1624 1050">Sudut Pandangan Orang Ketiga Terbatas</td> <td data-bbox="1626 954 1957 1050"> <ul style="list-style-type: none"> • • </td> </tr> </tbody> </table>	Sudut Pandangan	Ciri-Ciri	Sudut Pandangan Orang Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kata ganti nama orang pertama 	Sudut Pandangan Orang Ketiga Serba Tahu	<ul style="list-style-type: none"> • • 	Sudut Pandangan Orang Ketiga Terbatas	<ul style="list-style-type: none"> • •
Sudut Pandangan	Ciri-Ciri									
Sudut Pandangan Orang Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kata ganti nama orang pertama 									
Sudut Pandangan Orang Ketiga Serba Tahu	<ul style="list-style-type: none"> • • 									
Sudut Pandangan Orang Ketiga Terbatas	<ul style="list-style-type: none"> • • 									

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan dengan bukti jenis sudut pandangan dalam karya. ii. Mengulas kesesuaian sudut pandangan dengan watak-watak dalam karya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang tentang sudut pandangan orang pertama dan melabelkan gambar rajah sudut pandangan dalam karya yang dikaji, berserta bukti. <p>Contoh: Cerpen 'Paku Payung dan Limau Mandarin' karya Azizi Haji Abdullah</p>  <p>A, B, C = Watak P = Pengarang</p>